

# RM500 juta dana Pusat atasi banjir di Tunjong

➔ Peruntukan RMKe-11 biaya projek pembinaan tebatan

Oleh Siti Rohana Idris  
bhkb@bh.com.my

► Kota Bharu

**K**erajaan Kelantan akan mengatasi masalah banjir di kawasan sekitar Bandar Baru Tunjong, di sini, melalui peruntukan RM500 juta daripada Kerajaan Persekutuan

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Belia dan Sukan Negeri, Datuk Ab Fattah Mahmood, berkata peruntukan melalui

**Fakta  
nombor**

**800** HEKTAR

tanah dalam proses pembangunan dan penyusunan pelbagai kemudahan



Ab Fattah dan Ketua Pegawai Eksekutif Honda Malaysia Sdn Bhd, Katsuto Hayashi melihat alat membaiki kereta kemalangan selepas perasmian Pusat 4S Honda di Tunjong, semalam.

Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) itu akan digunakan, termasuk pembinaan kemudahan tebatan banjir.

“Sekitar kawasan berkenaan perlu ditambah dengan tanah setinggi tujuh meter bagi mengelak kejadian banjir. Kami sudah menyerahkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mengkaji perkara berkenaan.

**Selesai dalam masa terdekat**

“Insya-Allah ia akan diselesaikan dalam masa terdekat,” katanya ketika ditemui selepas perasmian pelanca-

ran Pusat 4S Honda Malaysia Sdn Bhd di Tunjong di sini, semalam.

Ab Fattah berkata, 80 peratus daripada 800 hektar tanah di Bandar Baru Tunjong ketika ini sedang dalam proses pembangunan melalui penyusunan pelbagai kemudahan berdasarkan pelan induk diluluskan kerajaan negeri.

Katanya, baki 20 peratus lot tanah belum dipenuhi dan pemaju dialu-alukan untuk melabur di lot berkenaan bagi membangunkannya.

“Mengikut pelan pelbagai kompo-

nen dirancang antaranya komersial, perumahan, akademik, ladang organik dan bandar usahawan.

**Bina rumah PPA1M**

“Bagi komponen perumahan, sebanyak 1,000 unit di bawah skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) akan dibina dalam masa terdekat.

“Kita mengalu-alukan anak Kelantan untuk memenuhi lot yang masih kosong untuk sama-sama membangunkan bandar baharu itu,” katanya.